

20/04/1999

Perusuh hilang pertimbangan diri

Kuche Kuche Hatahe

SEBAGAI manusia yang rasional, saya berpendapat kita hendaklah menerima apa jua keputusan mahkamah terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Percayalah kepada proses perundangan negara. Mahkamah kata salah, maka salahlah.

Tidak wajar kita memaksa mahkamah membuat keputusan sebaliknya jika mahkamah sudah mempunyai bukti kukuh bahawa tertuduh benar-benar bersalah. Jika dari awal lagi kita mahu mahkamah membuat keputusan tertuduh tidak bersalah maka tidak payahlah kes itu dibicarakan.

Percayalah kepada peraturan dan undang-undang. Peraturan dan undang-undang itu tidak akan adil kalau kita tidak yakin ada nilai keadilan pada sesuatu undang-undang dan peraturan itu. Hakikatnya undang-undang bukannya hendak menghukum manusia tetapi memastikan manusia tidak melakukan kesalahan. Kasihan, mereka yang merusuh nampaknya zalim kepada akal fikiran kerana tidak faham mengenai perkara ini.

Alasan utama perusuh ialah Anwar sengaja dihukum kerana kononnya berlaku konspirasi politik untuk menjatuhkan beliau. Sebaliknya mereka tidak menerima hakikat bahawa kes yang dibicarakan di mahkamah ialah tuduhan rasuah kerana menyalahgunakan kuasa.

Walaupun saya bukan peguam, tetapi saya faham bahawa mahkamah tidak perlu membuang masa mendengar sebarang hujah yang berkaitan dengan konspirasi kerana mahkamah membincangkan kes rasuah. Soal konspirasi bukan soal mahkamah.

Zaman manusia rakus sekarang ini, konspirasi semacam sudah menjadi satu perkara yang lazim. Konspirasi wujud bukan saja dalam politik. Dalam pertubuhan sosial, syarikat dan apa jua organisasi juga wujud konspirasi menjatuh dan menaikkan ketua.

Apa yang penting ialah jika seseorang itu menyedari ada konspirasi hendak menjatuhkannya, maka janganlah melakukan perkara yang buruk yang sememangnya ditunggu sebagai peluang pihak yang berkonspirasi untuk menjatuhkannya.

Saya kasihan bila melihat belia berambut panjang dan pelajar sekolah berkelakuan samseng di jalan raya kerana mengikut emosi dan perasaan. Mereka tidak bersalah sebenarnya. Yang bersalah ialah parti pembangkang dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) yang mengambil kesempatan atas isu itu.

Semacam ada satu petunjuk yang mereka hendak menjadi juara di gelanggang peperangan. Yang mati dan menderita ialah askar yang sebenarnya tidak tahu pun mengapa sebenarnya mereka berperang. Tidakkah itu zalim namanya? Yang paling menyedihkan ialah ada perusuh yang memakai ikatan kepala berlambangkan parti Pas.

Apakah Pas tidak zalim apabila menggalakkan manusia bersengketa sedangkan parti itu menentang kezaliman? Apabila parti itu membenarkan pengikutnya turut merusuh maka Pas pun nampaknya berlaku zalim.

Inilah yang menjadi masalah kepada imej Islam sekarang kerana semacam ada satu pandangan bahawa orang yang bukan tempat beribadatnya di masjid nampaknya lebih beradap dan berhati-hati dalam tindakan mereka. Di manakah rasional kita sebagai muslim? Kasihan kita.

Seterusnya saya juga kasihan kepada Datin Seri Wan Azizah. Ketika ditanya apakah pandangan beliau terhadap tindakan penyokongnya merusuh tempoh hari, beliau memberi komen dalam siaran berita TV1 dan TV3 bahawa beliau menyokongnya dan mengharap agar mereka melakukan lebih daripada

itu.

Apakah maknanya ini? Tidakkah beliau sedar perkataannya itu menggambarkan seolah-olah beliau bertindak memberi senjata kepada perusuh yang hilang akal untuk membunuh dan menyusahkan orang yang tidak berdosa.

Wahai penyokong reformasi yang budiman, marilah kita reformasi diri sebelum heboh hendak bereformasi. Betul dan rasionalkah kita ini ? Marilah fikirkan kepada fakta berikut:-

Apakah hak kita menimbulkan kekacauan sedangkan majoriti rakyat hendak kepada keamanan? Wajarkah kita kalungkan perusuh belia berambut panjang sebagai hero yang gagah berani sedangkan lagaknya macam samseng yang tidak bermoral, cetek dengan pengetahuan semasa, dan paling menyedihkan mereka tidak mengenal sejarah perjuangan negara?

Zalimkah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana terpaksa sampai hati mengambil tindakan kepada bakal Perdana Menteri yang telah digilap oleh beliau sekian lama semata-mata kerana hendak memastikan penggantinya adalah pemimpin yang betul-betul bertanggungjawab untuk menyelamatkan negara ?

Wajarkah kita tidak menghormati sistem kehakiman dan perundangan negara sedangkan dalam masa yang sama kita perlukan sistem itu untuk melindungi hak dan keamanan kita bersama? Wajarkah kita menyambut mesra pendapat barat seperti Al Gore yang tidak pernah pun berjasa kepada rakyat Malaysia?

Fikir dan kasihkanlah diri kita, negara dan nasib seluruh rakyat. Berpesan-pesanlah dengan kebenaran dan jangan sekali-kali memalsukan kebenaran. Sesungguhnya Allah itu maha adil kepada hambanya melebihi Parti Keadilan Rakyat.